

KLCC Property intai hartanah RM1b

KUALA LUMPUR 17 April - Syarikat KLCC Property Holdings Bhd. (KLCCP) sedang menilai aset hartanah baharu yang sesuai untuk dibeli, memandangkan ia mempunyai kapasiti untuk membelanjakan RM1 bilion bagi tujuan tersebut.

Syarikat itu yang merupakan pemilik Kompleks Dayabumi, Suria KLCC dan Hotel Mandarin Oriental Kuala Lumpur berharap, pembelian tersebut dapat dilakukan pada tahun ini dengan menumpukan aset hartanah di sekitar kawasan segitiga emas Kuala Lumpur meliputi Bukit Bintang dan KLCC.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Hashim Wahir berkata, syarikat telah berjaya mengurangkan nisbah hutang atas ekuiti daripada 22 peratus kepada 17 peratus, sekali gus membolehkan KLCCP melakukan hutang baharu untuk pembelian aset bernilai sehingga RM1 bilion.

Katanya, pihaknya juga telah mendapat kelulusan pemegang-pemegang saham untuk menerbitkan 10 peratus saham baharu. Penerbitan saham baharu itu bakal dilakukan jika syarikat tersebut menemui aset yang sesuai untuk dibeli.

"Syarikat dari semasa ke semasa akan menilai potensi aset yang sesuai dan akan melakukan pengumuman jika sebarang aktiviti pembelian dilakukan. Kelebihan ini membawa faedah kepada pemegang saham," katanya kepada pemberita selepas Mesyuarat Agung Tahunan Ke-11 KLCCP di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Kewangan KLCCP, Annuar Marzuki Abdul Aziz dan Setiausaha syarikat KLCCP, Abd. Aziz Abd. Kadir.

Kata Hashim lagi, nisbah hutang atas ekuiti syarikat itu yang diturunkan kepada 17 membolehkan mereka melakukan hutang baharu sehingga RM5 bilion, tetapi tidak akan melakukannya.

Syarikat itu mencatatkan keuntungan berjumlah RM1 bilion bagi tahun 2013. Pendapatan KLCCP dijana melalui segmen pejabat yang menyumbang 46 peratus, operasi hotel 13 peratus, peruncitan 33 peratus dan perkhidmatan pengurusan lapan peratus.